

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 18 Jun 2015 @ 12:37 AM – Harian metro online

MT Orkim Harmony: Sistem amaran tidak diaktifkan

109

4 0 Google +0

Oleh Amir Abd Hamid

amir@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang: Siasatan oleh Jabatan Laut Malaysia berkaitan kehilangan kapal tangki Malaysia MT Orkim Harmony pada Khamis lalu menemui hasil meragukan apabila Sistem Amaran Keselamatan Kapal (SSAS) tidak diaktifkan.

Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran Jabatan Laut, Kapten Mohamad Halim Ahmad berkata, alat sistem amaran yang diletakkan di tempat terpencil yang hanya diketahui nakhoda atau kapten kapal dan sepatutnya sudah diaktifkan sebaik saja ada kejadian jenayah terhadap kapal berlaku.

Beliau berkata, sistem itu akan beroperasi apabila diaktifkan secara manual dan hanya kapten tahu lokasi dan pengendaliannya.

"Selain itu, kawasan kapal tangki itu hilang tiada capaian radar pihak kami namun pergerakan kapal itu sehingga komunikasi terputus boleh diimbis semula menggunakan Sistem Pengenal Automatik (AIS) kaedah satelit.

"Bagaimanapun sistem AIS juga seolah-olah ditutup oleh orang yang tahu sistem berkenaan. Tetapi ada juga kemungkinan sistem AIS itu dirosakkan dengan cara memotong kabel atau memecahkan alat yang terletak di anjung kapal itu," katanya dalam taklimat khas di Ibu Pejabat Jabatan Laut, di sini, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Laksamana Madya Maritim Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar ketika dihubungi berkata, pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang menunggu kelulusan negara jiran untuk membolehkan aset pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) dikerah ke perairan mereka.

"Kawasan pencarian terkini bagi aset Malaysia diperluaskan merentasi perairan sempadan merangkumi keluasan 120,000 kilometer persegi.

"Buat masa ini, tiga kapal dari Indonesia membantu pencarian di kepulauan Anambas dan Natuna.

"Selain itu, kami mendapat bantuan pesawat Poseidon dari Amerika Syarikat dan dari Australia iaitu satu P3 Orion," katanya.

MT Orkim Harmony, kapal milik syarikat Magna Meridian Sdn Bhd yang dalam pelayaran dari Melaka ke Pelabuhan Kuantan dilaporkan hilang pada 8.57 malam Khamis lalu dan

kapal berkenaan membawa muatan kira-kira 6,000 tan petrol RON95 bernilai RM21 juta yang dimiliki PETRONAS.

Kapal tangki yang berdaftar di Malaysia itu membawa 22 kru membabitkan 16 warga tempatan, lima warga Indonesia dan seorang rakyat Myanmar.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 18 Jun 2015 @ 12:37 AM



LOKASI terakhir kapal tangki MT Orkim Harmony dikesan berada di perairan Laut China Selatan berhampiran Pulau Aur, Johor. FOTO Rosdan Wahid

- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/58434#sthash.KnKZJXD.dpuf>